

Informal Learning Experiences Among MyCorps Volunteers, Kuala Lumpur

Pengalaman Pembelajaran Informal Dalam Kalangan Sukarelawan Mycorps, Kuala Lumpur

Ainaatul Afifah Md Saleh, Kassim Thukiman, Mohd Koharuddin Mohd Balwi, Muhammed Fauzi Othman, Mohd Azhar Abd Hamid*

School of Human Resource Development and Psychology, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: m-azhar@utm.my

Article history: Received: 28 June 2021 Received in revised form: 11 July 2021 Accepted: 25 July 2021 Published online: 05 August 2021

Abstract

The study aimed to identify informal learning experiences among MYCORPS volunteers using qualitative methods through semi-structured interviews and using snowball sampling methods. The three objectives of the study were (i) to know the informal learning experiences experienced by the MYCORPS volunteers, (ii) to identify the factors that contributed to the informal learning experiences experienced by the MYCORPS volunteers and (iii) to know the impact of the informal learning experiences experienced by the MYCORPS volunteers. The data obtained were analyzed using thematic analysis method. The informal learning experience is divided into two, soft skills and real skills. The contributing factors to the informal learning experience are learning strategies, outsiders and team members which affects the knowledge, skills and attitudes of volunteers. The chosen phenomenological approach is to understand a phenomenon. The results show that informal learning is experienced through these factors and affects knowledge, skills and attitudes. The study implicates adult learning practitioners, theories used and also the volunteers.

Keyword: Experiences, informal learning, volunteers, adult learning, self-directed learning

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui pengalaman pembelajaran informal dalam kalangan sukarelawan MYCORPS dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual separa berstruktur dan menggunakan kaedah persampelan *snowball*. Tiga objektif kajian iaitu (i) meneroka pengalaman pembelajaran informal yang dialami oleh para sukarelawan MYCORPS, (ii) mengkaji faktor penyebab pengalaman pembelajaran informal yang dialami oleh para sukarelawan MYCORPS dan (iii) menyelidiki kesan pengalaman pembelajaran informal yang dialami oleh para sukarelawan MYCORPS. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Pengalaman pembelajaran informal terbahagi kepada dua iaitu kemahiran insaniah dan kemahiran nyata. Faktor penyebab pengalaman pembelajaran informal terjadi adalah strategi pembelajaran, orang luar dan ahli kumpulan yang mengesankan pengetahuan, kemahiran dan sikap sukarelawan. Pendekatan fenomenologi yang dipilih bertujuan untuk memahami sesuatu fenomena. Hasil kajian mendapati pembelajaran informal dialami disebabkan faktor berkenaan dan memberi kesan kepada pengetahuan, kemahiran dan sikap. Kajian ini memberi implikasi kepada pengamal pembelajaran dewasa, teori yang digunakan dan juga sukarelawan.

Kata kunci: Pengalaman, pembelajaran informal, sukarelawan, pembelajaran dewasa, pembelajaran arah diri

© 2021 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Latar Belakang Kajian

Pembelajaran melalui pengalaman adalah pembelajaran yang memberi kesan yang mendalam ke atas seseorang individu. Menurut Jan De Houwer *et al* (2013), pembelajaran ditakrifkan sebagai pengetahuan dan tingkah laku mengalami perubahan yang kekal yang disebabkan oleh pengalaman. Seseorang individu cenderung untuk tidak melakukan kesilapan yang sama yang telah dilakukan pada masa lampau, hasil daripada pembelajaran melalui pengalaman. Pembelajaran juga boleh dihuraikan berdasarkan perspektif Islam. Sakilah (2015)

menyatakan bahawa konsep-konsep tentang peningkatan kemampuan dan potensi manusia telah diperjelaskan dan termaktub dalam Al-Quran dan hadis di mana seseorang individu itu perlu belajar sebagai satu langkah positif untuk membangunkan potensi dan kemampuan diri mereka.

Sukarelawan adalah golongan yang pada kebiasaannya terdiri daripada golongan belia. Pengalaman, pembentukan jati diri, nilai murni dalam diri dan kemahuan untuk menyumbang kepada masyarakat sekeliling adalah antara faktor yang menguatkan diri sukarelawan untuk menjalankan kerja-kerja sukarelawan waima diketahui bahawa kerja-kerja sukarelawan yang dilakukan tidak akan memberi apa-apa pulangan dari segi material kepada mereka. Kementerian Belia dan Sukan telah membangunkan Program Kesukarelawanan Belia Antarabangsa (MYCORPS) yang merupakan salah satu Inisiatif Makmal Transformasi Pembangunan Belia. Program ini memberi fokus kepada program kesukarelawanan dan kemanusiaan yang bertujuan untuk melahirkan sukarelawan belia yang professional, berkualiti, berkemahiran, berpengetahuan dan memiliki nilai-nilai sukarelawan yang tinggi serta mampu berdaya saing di peringkat global. Kajian ini juga ingin mengenal pasti pengalaman pembelajaran informal daripada segi faktor penyebab dan kesan pengalaman pembelajaran informal yang dialami oleh para sukarelawan MYCORPS ketika menjalankan kerja-kerja sukarelawan di negara yang mereka masing-masing kunjungi.

Pernyataan Masalah

Terdapat pelbagai pengalaman pembelajaran yang dialami dan dipelajari yang boleh membentuk jati diri, nilai murni dan membentuk makna baru dalam tujuan kehidupan para sukarelawan. Menurut Cloke et al. (2007), kerja sukarelawan adalah perkara yang semakin menjadi kebiasaan, di mana seorang sukarelawan didorong oleh sukarelawan lain dan organisasi yang mereka wakili dan juga perasaan tanggungjawab terhadap komitmen sosial secara amnya. Terdapat banyak kajian lepas yang menekankan tentang perkara-perkara lain yang berkaitan dengan sukarelawan sebagai contoh, niat, motivasi dan sebagainya. Walau bagaimanapun, tiada lagi kajian yang dijumpai mengenai pembelajaran informal dalam kalangan sukarelawan ketika melaksanakan kerja-kerja sukarelawan. Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti pengalaman pembelajaran informal yang dialami oleh sukarelawan dan seterusnya mencetuskan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk menyertai kerja-kerja sukarelawan ini bagi membentuk pembangunan diri dan juga untuk kebaikan masyarakat sekeliling tanpa mengira bangsa, agama mahupun kewarganegaraan.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Meneroka pembelajaran informal yang dialami oleh para sukarelawan MYCORPS yang terpilih dalam menjalankan kerja-kerja sukarelawan.
- ii. Mengkaji faktor penyebab pembelajaran informal yang dialami oleh para sukarelawan MYCORPS yang terpilih dalam menjalankan kerja-kerja sukarelawan.
- iii. Menyelidiki kesan pembelajaran informal yang dialami oleh para sukarelawan MYCORPS yang terpilih dalam menjalankan kerja-kerja sukarelawan.

■2.0 KAJIAN LITERATUR

Konsep Pembelajaran Informal

Dalam pembelajaran dewasa, terdapat tiga cabang konsep pembelajaran yang diutarakan iaitu pembelajaran formal, pembelajaran non-formal dan pembelajaran informal (Colley, Hodkinson & Malcolm, 2003; Jarvis, 1987; Livingstone, 2001; Merriam, Caffarell & Baumgartner, 2007). Merriam, Caffarell dan Baumgartner (2007) mendefinisikan pembelajaran informal sebagai seseorang individu yang mempelajari sesuatu melalui pengalaman-pengalaman dalam kehidupan seharian mereka. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pembelajaran informal dalam diri seseorang individu. Menurut Berg dan Chyung (2008), faktor-faktor peribadi seperti umur dan latarbelakang pendidikan seseorang individu itu memainkan peranan penting dalam mempengaruhi sejauh mana seseorang individu itu mengalami pembelajaran informal dalam kehidupan seharian mereka. Menerusi kajian yang dilakukan oleh Tikkanen dan Kremer (2005), individu yang lebih muda dan kurang mempunyai pengalaman adalah mempunyai keterlibatan yang tinggi dengan pembelajaran informal, tidak seperti individu yang lebih berusia dan berpengalaman yang tidak begitu mengalami pembelajaran informal dan menganggap pembelajaran informal adalah kurang tertanam dalam aktiviti seharian mereka.

Sukarelawan


Terdapat beberapa pengertian dan dimensi yang berperihal mengenai sukarelawan. Sukarelawan bermaksud orang yang melakukan sesuatu secara sukarela. Perkhidmatan mereka ini tidak memerlukan kelayakan tertentu. Mellor *et al.*, (2009) dimana dinyatakan seseorang individu yang cenderung dan minat untuk melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti dan program-program sukarelawan dipandang sebagai seseorang yang mempunyai tahap keperibadian diri yang lebih baik jika dibandingkan dengan individu lain yang tidak pernah terlibat dengan apa-apa bentuk aktiviti-aktiviti dan program-program sukarelawan. Dalam maksud yang luas, kesukarelawanan boleh dilihat sebagai suatu konsep perkhidmatan dan perkongsian, suatu proses pendidikan atau pengalaman pembelajaran, dan penglibatan aktif warga negara dalam isu-isu dan hal-ehwal kemasyarakatan (Azizan, 2009). Berdasarkan kajian lepas oleh Azizan (2015), terdapat tiga cabang penting dalam perkara kesukarelawanan iaitu kerja sukarela, sukarelawan dan sektor sukarela. Pertama, kerja sukarela bermaksud khidmat atau aktiviti-aktiviti yang dilakukan tanpa mengharapkan apa juga bentuk ganjaran daripada mana-mana pihak. Kedua, sukarelawan bermaksud seseorang individu atau golongan manusia yang melakukan kegiatan-kegiatan sukarela dan yang terakhir, sektor sukarela bermaksud organisasi sukarela yang mencakupi jaringan, pergerakan dan sebagainya.

Teori Pembelajaran

Menurut Merriam dan Caffarella (1991), terdapat lima (5) teori pembelajaran iaitu humanistik, kognitif, sosial, behaviorisme dan konstruktivisme. Pengkaji memfokuskan kepada teori pembelajaran humanistik yang mempunyai konsep-konsep utama iaitu aktualisasi diri, pengalaman pembelajaran dan pembelajaran yang signifikan, teori pembelajaran kognitif yang menafsirkan pembelajaran sebagai proses kognitif dalaman dan teori pembelajaran konstruktivisme berkenaan bagaimana struktur, bahasa, aktiviti dan memaknakan sesuatu itu terjadi.


Model Pembelajaran Informal

Rajah 1 menunjukkan model pembelajaran informal dan insidental oleh Marsick & Watkins (2001). Menurut Marsick & Watkins (2001), seseorang individu itu sentiasa mempelajari sesuatu dalam konteks kehidupan masing-masing. Pengalaman kehidupan yang baru mungkin memberi cabaran baru, menyebabkan keperluan untuk menyelesaikan sesuatu masalah dan memberi gambaran tentang masa hadapan. Di sekeliling konteks seperti dalam rajah 2.1, terdapat perkara-perkara yang memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran seseorang individu yang mempengaruhi cara bagaimana seseorang individu menghadam sesuatu situasi, pilihan dan perbuatan mereka, juga pembelajaran yang terkesan daripada semua itu.



Rajah 1 Model Pembelajaran Informal dan Insidental Marsick & Watkins (2001)

Hasil dapatan yang diperoleh daripada kajian lepas, membantu pengkaji untuk membina satu kerangka kajian (Rajah 2) bagi mengetahui pengalaman pembelajaran informal dalam kalangan sukarelawan MYCORPS, Kuala Lumpur.



Sumber; Marsick & Watkins, 2001

Sumber; Juliyana Selamat, 2016

Rajah 2 kerangka kajian

■3.0 METODOLOGI

Reka bentuk Kajian

Pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual separa berstruktur kepada informan. Kajian kualitatif ini juga adalah lebih tertumpu kepada mencambahkan kesedaran tentang sesuatu isu dan mengadakan dialog untuk menambahkan pemahaman yang kemudiannya akan meningkatkan amalan (Mohd Azhar, 2012). Pengkaji melihat komunikasi non-verbal informan yang boleh membantu menafsirkan komunikasi verbal mereka. Jawapan yang dilontarkan oleh informan pada sesi temubual separa berstruktur yang dijangka akan mempunyai penjelasan adalah faktor mengapa pengkaji memilih untuk menjalankan kajian menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji memilih untuk menggunakan pendekatan fenomenologi bagi pendekatan kajian kualitatif ini. Merujuk kepada Pietkiewicz dan Smith (2014), pendekatan fenomenologi yang dibangunkan oleh Edmund Husserl adalah bagaimana seseorang individu melihat perkara-perkara yang terjadi dalam pengalaman lalu mereka.

Persampelan

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih sebilangan individu yang merupakan sukarelawan MYCORPS yang mengalami pembelajaran informal dalam menjalankan kerja-kerja sukarelawan. Pemilihan sampel yang menggunakan persampelan bola salji adalah berdasarkan ciri-ciri berikut iaitu (i) merupakan seorang sukarelawan yang pernah menyertai misi MYCORPS, (ii) mempunyai pengalaman lebih lima tahun dalam menjadi seorang sukarelawan dan (iii) berumur 20 tahun hingga awal 30-an. Persampelan bola salji bermaksud mendapatkan jumlah sampel yang sedikit terlebih dahulu dan sampel seterusnya akan bertambah melalui maklumat yang diberikan oleh sampel awal (Nur Fadiyah, 2016). Oleh yang demikian, pengkaji mendapatkan bantuan seorang kenalan (*gatekeeper*) bagi membantu pengkaji mendapatkan informan yang lain untuk proses temubual separa berstruktur yang ingin dijalankan.

Instrumen Kajian

Terdapat dua instrumen kajian mengenai pembelajaran informal yang dialami oleh sukarelawan MYCORPS iaitu pengkaji dan soalan temu bual. Diri pengkaji sendiri adalah merupakan instrumen bagi mendapatkan data dan maklumat daripada informan yang akan ditemu bual. Pengalaman dan kemahiran pengkaji dalam berkomunikasi dan kemahiran menanyakan soalan adalah mempengaruhi pengumpulan data dan maklumat yang akan didapati dalam sesi temubual separa berstruktur yang akan dijalankan (Nur Fadiyah, 2016). Selain daripada itu, soalan-soalan yang diajukan oleh pengkaji adalah instrumen yang penting. Hal ini adalah kerana, objektif kajian akan boleh dicapai dipandukan oleh soalan kajian (Silverman, 2013).

Analisis Data

Proses transkripsi data dan maklumat yang diperolehi, pengurangan atau penyaringan data dan maklumat, pembinaan tema-tema yang bersesuaian dengan topik kajian yang dijalankan, pengekodan tema dan paparan hasil merupakan antara kaedah analisis data kualitatif (Nur Fadiyah, 2016). Melalui pembinaan tema, terdapat pula subtema yang ditetapkan oleh pengkaji berdasarkan data dan maklumat yang diperolehi dan dikenalpasti.

■4.0 DAPATAN KAJIAN

Demografi

Seramai enam orang informan telah dipilih untuk ditemubual dalam kajian ini dengan menggunakan teknik persampelan bola salji. Jadual 1 menunjukkan demografi informan yang terlibat dalam sesi temubual yang dijalankan.

Jadual 1 Demografi Informan Kajian

Nama	Umur (Tahun)	Pengalaman (Tahun)	Misi MYCORPS yang disertai (Tahun)
ANM/1	25	14	Kemboja - 2016
AAA/2	26	5	Timur Tengah - 2016
ZMA/3	32	15	Afrika - 2018
SMS/4	27	6	Bangladesh - 2017
FTB/5	24	5	Bangladesh - 2017
FNN/6	26	6	Bangladesh - 2017

Objektif satu: Pengalaman Pembelajaran Informal Yang Dialami Sukarelawan MYCORPS***Kemahiran Insaniah***

Pengalaman pembelajaran informal pertama yang dialami iaitu kemahiran insaniah terdiri daripada; (i) kemahiran komunikasi, (ii) kemahiran memimpin, (iii) kemahiran membuat keputusan, dan (iv) kemahiran diplomasi.

Kemahiran Komunikasi

Menurut informan ANM/1 dan FNN/6, kemahiran ini dipelajari dalam menjalankan kerja-kerja sukarelawan kerana perlu sentiasa bekerja bersama-sama dengan ahli kumpulan yang lain dan meskipun terdapat halangan bahasa, kerja-kerja sukarelawan tetap dilakukan.

Kemahiran Memimpin

Menurut FNN/6, SMS/4 dan AAA/2, kemahiran memimpin ini adalah pengalaman pembelajaran informal yang dipelajari ketika menjalankan kerja-kerja sukarelawan kerana setiap orang dalam kumpulan diberi tugas dan peluang untuk mengetuai satu projek yang dilaksanakan ketika misi sukarelawan dan akan memimpin penduduk tempatan di negara yang mereka jalankan kerja-kerja sukarelawan untuk sama-sama menjadi sebahagian daripada projek tersebut.

Kemahiran Membuat Keputusan

Menurut FTB/5 dan SMS/4, seseorang itu perlu berfikir dan mendengar pandangan daripada semua pihak yang berkaitan dan terutamanya penduduk tempatan di negara itu sebelum membuat sebarang keputusan. Sukarelawan yang dihantar ke sesebuah negara itu perlu membuat keputusan sendiri berkenaan projek apa yang hendak dijalankan di tempat itu mengikut keperluan penduduk tempatan di kawasan itu.

Kemahiran Diplomasi

Menurut ZMA/3 dan FNN/6, kemahiran diplomasi diasah melalui kelainan budaya dan kebiasaan di negara lain, iaitu untuk mengetahui, menghormati budaya dan kebiasaan masyarakat di sesuatu tempat itu dan juga untuk menjaga sensitiviti penduduk tempatan di sana. Perbandingan masyarakat antara negara memantapkan kemahiran diplomasi yang dipelajari secara informal.

Kemahiran Nyata

Kemahiran nyata yang dipelajari terdiri daripada; (i) kemahiran berbahasa, (ii) perolehan dan pengurusan kewangan, (iii) kebolehan mentadbir dan (iv) kebolehan membuat kerja-kerja kasar.

Kemahiran Berbahasa

Menurut FNN/6, beliau mempelajari beberapa perkataan asas dalam bahasa Benggali ketika menjalankan kerja-kerja sukarelawan bagi memudahkan informan berkomunikasi dan berurusan dengan penduduk tempatan di sana. Informan juga menyatakan bahasa badan dan bahasa isyarat adalah penting dalam berkomunikasi dengan pihak penduduk tempatan di negara yang mereka jalankan kerja-kerja sukarelawan.

Perolehan dan Pengurusan Kewangan

Menurut AAA/2, pengumpulan dana perlu mencukupi sepanjang misi sukarelawan berlangsung dan juga selepas para sukarelawan pulang ke tanah air. Hal ini kerana, projek sukarelawan yang dijalankan oleh mereka adalah projek jangkamasa panjang yang perlu dikekalkan dan diteruskan manfaatnya oleh pihak penduduk tempatan di negara tersebut itu sendiri.

Kebolehan Mentadbir

Menurut SMS/4, sukarelawan mempelajari secara informal bagaimana hendak mentadbir sesuatu projek yang dijalankan. Keseluruhan proses pentadbiran sesuatu projek itu perlu diketahui dan itulah yang dipelajari oleh informan dan para sukarelawan dalam menjalankan kerja-kerja sukarelawan.

Kebolehan Membuat Kerja-Kerja Kasar

Menurut ANM/1, sukarelawan mempelajari secara informal bagaimana hendak melakukan kerja-kerja kasar yang sememangnya tidak akan dilakukan jika tidak menjadi sukarelawan bersama-sama organisasi MYCORPS. Kesemua kerja-kerja kasar yang dilakukan adalah dilakukan oleh sukarelawan sendiri bermula dari tiada apa-apa sehingga selesai.

Objektif dua: Faktor-faktor Yang Menyebabkan Pengalaman Pembelajaran Informal Dalam Kalangan Sukarelawan MYCORPS

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pengalaman pembelajaran informal terjadi dalam kalangan sukarelawan MYCORPS iaitu (i) strategi pembelajaran, (ii) orang luar dan (iii) ahli kumpulan.

Strategi Pembelajaran

Majoriti informan telah memilih amali sebagai strategi pembelajaran yang paling berkesan. Menurut ANM/1 dan FNN/6, apabila melakukan sesuatu secara amali akan membantu pemahaman informan berkenaan sesuatu perkara itu. Antaranya adalah kerja-kerja kasar seperti perpaipan. Tambah beliau, perkara itu pernah dipelajari secara teori dan apabila dilakukan secara amali, pemahaman berkenaan pengetahuan itu bertambah. Kemahiran komunikasi juga meningkat apabila mengalami pembelajaran informal melalui strategi pembelajaran amali apabila harus berkomunikasi dengan orang lain.

Orang Luar

Menurut ANM/1 dan FNN/6, sebelum menjalankan misi sukarelawan di negara yang ingin dikunjungi, informan terlebih dahulu menemui rakyat negara itu bagi mengetahui lebih lanjut berkenaan negara tersebut, perihal budaya dan sebagainya. Menurut FNN/6, penduduk tempatan di negara yang berkenaan menjadi faktor pengalaman pembelajaran informal terjadi terhadap beliau.

Ahli Kumpulan

Menurut AAA/2 dan FTB/5, seorang ahli dalam kumpulan misi sukarelawan yang berpengetahuan mengenai sesuatu perkara mencukupi untuk ahli kumpulan yang lain mengalami pembelajaran informal melalui seorang ahli tersebut. Hal ini kerana, setiap ahli mempunyai kepakaran masing-masing.

Objektif tiga: Kesan Pengalaman Pembelajaran Informal Terhadap Sukarelawan MYCORPS

Terdapat tiga kesan pengalaman pembelajaran informal terhadap (i) pengetahuan, (ii) kemahiran dan (iii) sikap sukarelawan MYCORPS.

Pengetahuan

Peningkatan pengetahuan boleh diperincikan kepada beberapa perkara iaitu (i) budaya negara lain, (ii) kesukarelawanan sebenar dan (iii) pengetahuan bidang lain.

Budaya Negara Lain

Menurut ZMA/3, kesan terhadap pengetahuan informan adalah menumpukan kepada bagaimana agama Islam dipraktikkan di negara yang dikunjungi dan terdapat perbezaan budaya antara Malaysia dan negara tersebut.

Kesukarelawanan Sebenar

Menurut ZMA/3 dan ANM/1, kesukarelawanan sebenar adalah melaksanakan kerja sukarelawan berdasarkan keperluan penduduk tempatan dan bukan berdasarkan kemahuan sukarelawan. Kerja-kerja sukarelawan haruslah dilaksanakan secara jangkamasa panjang bagi memberi impak yang besar kepada penerima manfaat itu.

Pengetahuan Bidang Lain

Menurut ANM/1, menyertai sukarelawan memberi peluang kepada informan untuk bertemu dengan orang daripada pelbagai bidang yang lain dan secara tidak langsung mempelajari secara informal tentang bidang-bidang lain.

Kemahiran

Sejenis kemahiran dimana majoriti informan terkesan daripada pengalaman pembelajaran informal adalah komunikasi. Menurut ANM/1, SMS/4, FTB/5 dan FNN/6, beliau menjadi lebih baik dalam berkomunikasi dengan orang lain daripada setelah menyertai misi sukarelawan. Hal ini kerana, sukarelawan tidak mengenali antara satu sama lain sebelumnya dan hanya berkenalan antara satu sama lain selepas terpilih untuk menyertai misi sukarelawan yang akan dijalankan.

Sikap

Kesan pengalaman pembelajaran informal terhadap sikap para sukarelawan MYCORPS adalah kecerdasan emosi. Menurut FNN/6, informan cenderung untuk mengambil mudah perkara-perkara kecil dan tidak begitu bersederhana. Akan tetapi, setelah menjadi sukarelawan, beliau menyedari terdapat orang lain yang hidup dalam serba kekurangan dan ini menyuntik rasa bersyukur dalam diri informan. Beliau juga menambah bahawa beliau menjadi lebih optimis setelah bergelar sukarelawan MYCORPS, hasil daripada pembelajaran informal yang dialami. Menurut FTB/5, informan berubah menjadi seseorang yang lebih bijak mengawal emosi.

■5.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Perbincangan Mengenai Pengalaman Pembelajaran Informal Yang Dialami Sukarelawan

Kajian menunjukkan sukarelawan MYCORPS mengalami pembelajaran informal menerusi pengalaman sepanjang menjadi sukarelawan. Menurut Belanger (2011), pembelajaran dewasa mempunyai beberapa konsep seperti pembelajaran bersituasi, persekitaran pembelajaran dan amalan komuniti yang menepati pengalaman pembelajaran informal yang dialami oleh sukarelawan MYCORPS. Pembelajaran informal didefinisikan oleh Merriam, Caffarell dan Baumgartner (2007) sebagai seseorang individu mempelajari sesuatu melalui pengalaman dalam kehidupan seharian. Dapatan kajian mengesahkan juga pembelajaran informal dilihat sebagai tidak berstruktur dan berinstitusi oleh Marsick & Volpe (1999) dan menyokong semula kenyataan di atas apabila menyatakan pembelajaran informal adalah melalui pengalaman.

Berdasarkan teori humanistik yang dibangunkan Abraham Maslow dan Carl Rogers (1970), satu konsep utama dalam teori humanistik adalah aktualisasi diri yang bermaksud seseorang individu itu mengembangkan kapasiti diri untuk meningkatkan kebolehan diri. Dalam kajian ini, informan mengalami pengalaman pembelajaran informal melalui aktualisasi diri mereka sendiri yang meningkatkan kemahiran insaniah mereka iaitu daripada segi komunikasi, kepimpinan, pembuatan keputusan dan diplomasi dan kemahiran nyata mereka iaitu daripada segi kemahiran berbahasa, perolehan dan pengurusan kewangan, kebolehan mentadbir dan kebolehan membuat kerja-kerja kasar.

Perbincangan Mengenai Faktor-Faktor Menyebabkan Pengalaman Pembelajaran Informal Dalam Kalangan Sukarelawan

Terdapat tiga faktor yang menyebabkan pengalaman pembelajaran informal dalam kalangan sukarelawan MYCORPS iaitu (i) strategi pembelajaran, (ii) orang luar dan (iii) ahli kumpulan. Teori konstruktivisme yang dibangunkan oleh Piaget (1972) menyokong amali sebagai strategi pembelajaran yang paling signifikan dalam menyebabkan pengalaman pembelajaran informal itu terjadi. Ini disebabkan oleh teori konstruktivisme yang tergolong dalam teori pembelajaran menyatakan seseorang individu perlu melakukan sesuatu perkara dalam mempelajari sesuatu dengan persekitaran mereka. Seterusnya, konsep utama teori kognitif memenuhi faktor penyebab pengalaman pembelajaran informal ini iaitu pemindahan pengetahuan (Belanger, 2011). Ini disokong oleh Bruner (2009) apabila dinyatakan seseorang individu itu memerlukan konteks kebudayaan supaya informan boleh menerima maklumbalas dan mengalami pertukaran budaya iaitu pengalaman pembelajaran informal untuk pemprosesan informasi dan ini terjadi hasil daripada penyebab orang luar dan juga ahli kumpulan.

Perbincangan Mengenai Kesan Pengalaman Pembelajaran Informal Dalam Kalangan Sukarelawan

Tiga kesan pengalaman pembelajaran informal dalam kalangan responden atau sukarelawan adalah pengetahuan, kemahiran dan sikap informan. Belanger (2011) menyatakan, teori humanistik menganalisa dan memaknakan proses pembelajaran dengan mengambil kira aspek pembelajaran secara afektif dan kognitif melalui seseorang individu itu secara keseluruhannya, perasaan dan juga intelektual mereka. Ketiga-tiga kesan pengalaman pembelajaran informal dalam kalangan sukarelawan bersesuaian dengan tiga konsep dalam teori humanistik yang tergolong dalam teori pembelajaran oleh Merriam dan Caffarella (1991) iaitu, (i) aktualisasi diri: pemacu dalaman dalam diri seseorang individu untuk melanjutkan, mengembangkan, mengaktifkan kapasiti diri untuk membangunkan, memantapkan dan meningkatkan kebolehan diri untuk kesan terhadap pengetahuan, (ii) pengalaman pembelajaran: situasi kehidupan yang terkumpul oleh seseorang individu melalui amalan refleksi untuk kesan terhadap sikap dan (iii) pembelajaran yang signifikan: pembelajaran menjadi signifikan dan mampan apabila pengalaman pembelajaran itu adalah relevan, progresif, merangsang dan dipacu oleh kemahuan dalaman seseorang individu itu sendiri untuk kesan terhadap kemahiran.

Implikasi Kajian Terhadap Pengamal Pembelajaran Dewasa

Dalam kajian ini, menunjukkan individu-individu atau kumpulan utama yang menjadi sumber maklumat penting responden ialah rakan-rakan sekumpulan, penduduk tempatan dan juga orang lain dari penyumberan luar yang sama-sama melakukan kerja-kerja sukarelawan bersama-sama informan. Sehubungan itu, mereka seharusnya menggunakan segala kesempatan yang ada samada secara formal atau tidak formal untuk menyampaikan mesej berkenaan kesukarelawan. Selain itu, mendekati golongan ini memerlukan seseorang itu mempersiapkan diri dengan kemahiran asas seperti komunikasi, berbahasa (berdebat, berhujah dan logik), dan berkemahiran psikologi. Penyampaian mesej atau ilmu pengetahuan berkaitan akan mudah disampaikan kepada golongan sasaran menerusi pendekatan dan teknik penyampaian yang betul. Persekitaran juga adalah penting dalam membantu berlakunya pengalaman pembelajaran informal sebagai contoh saling bekerjasama, hormat menghormati dan keprihatinan. Pengamal pembelajaran dewasa boleh terdiri daripada sesiapa sahaja termasuklah rakan-rakan, penduduk tempatan dan individu-individu yang terlibat dalam memberi perkongsian pengetahuan antara satu sama lain.

Implikasi Kajian Terhadap Teori

Berdasarkan kajian literatur, pengkaji mendapati kajian yang mengkaji mengenai pengalaman pembelajaran informal dalam kalangan sukarelawan adalah amat sedikit. Jikapun ada, kajian tersebut merupakan kajian mengenai salah satu sahaja iaitu antara pengalaman pembelajaran informal atau sukarelawan dan bukan kedua-duanya. Oleh yang demikian, kajian ini dapat memberi kejelasan pada pengkaji akan datang untuk mengetahui dan memahami lebih mendalam serta dapat meneroka pengalaman pembelajaran informal dalam kalangan sukarelawan dengan lebih baik. Secara tuntasnya, kajian ini menyokong pandangan Marsick & Watkins (2001) dan Merriam & Caffarella (1991).

Implikasi Kajian Terhadap Sukarelawan

Penerima kesan terbesar dalam kajian ini adalah sukarelawan. Setelah kajian ini dilakukan dan pengkaji menjadikan para sukarelawan yang dipilih sebagai informan kajian, mereka menyedari mengenai pengalaman pembelajaran informal yang dialami. Kajian ini menjadi batu loncatan untuk para informan menjumpai cara lain yang membolehkan mereka mempelajari sesuatu dan diri mereka menjadi lebih baik dari sebelumnya. Pengkaji berpendapat sukarelawan haruslah sentiasa mengambil kira akan segala pembelajaran yang dialami, terutamanya informal dalam menjalankan kerja-kerja sukarelawan selepas ini. Hal ini kerana, mengalami pembelajaran informal sememangnya memberi impak positif kepada mereka untuk jangka masa panjang. Kajian ini membuka perspektif baru dalam kalangan sukarelawan MYCORPS apabila menyedari kerja-kerja sukarelawan yang dilakukan itu bukan sahaja memberi kesan yang baik kepada golongan yang mereka bantu bahkan memberi kesan yang baik kepada diri mereka sendiri juga.

Cadangan

Kajian lanjutan berkenaan topik ini dicadangkan untuk memperluaskan informan kajian kepada sukarelawan yang baru sahaja menceburi bidang sukarelawan dan bukan sahaja sukarelawan yang mempunyai pengalaman melebihi 5 tahun seperti yang difokuskan dalam kajian ini. Hal ini bagi menambahkan variasi pengalaman pembelajaran informal yang terjadi kepada sukarelawan. Selain itu, kajian pada masa hadapan juga boleh menjadikan sukarelawan daripada pertubuhan lain sebagai informan selain daripada MYCORPS yang merupakan pertubuhan yang berdaftar dan digerakkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Di samping itu, pengkaji akan datang juga dicadangkan supaya mengaplikasikan triangulasi data dalam melakukan kajian. Menurut Siti Uzairiah (2017), triangulasi menyeimbangkan kelemahan sedia ada dalam satu pendekatan dengan kekuatan yang terdapat pada pendekatan lain.

6.0 KESIMPULAN

Melalui kajian yang telah dijalankan, dapat disimpulkan bahawa persoalan dan objektif kajian yang dibangunkan pada awal kajian berjaya dicapai dan diketahui. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati terdapat pengalaman pembelajaran informal yang dialami oleh para sukarelawan MYCORPS iaitu daripada aspek kemahiran insaniah dan juga kemahiran nyata. Faktor-faktor yang menyebabkan pengalaman pembelajaran informal tersebut adalah strategi pembelajaran amali, orang luar dan ahli kumpulan sukarelawan itu sendiri. Pengalaman pembelajaran informal yang dialami telah mengesankan sukarelawan MYCORPS yang telah menjadi informan untuk kajian ini daripada segi pengetahuan, kemahiran dan sikap mereka. Pengetahuan para informan mengalami peningkatan dalam mengenali dan menghormati budaya lain, memahami kesukarelawan sebenar dan peningkatan pengetahuan dalam bidang-bidang lain. Seterusnya daripada segi kemahiran, kemahiran komunikasi adalah kesan pengalaman pembelajaran informal yang paling signifikan dapat dilihat dalam kajian ini. Kecerdasan emosi pula adalah kesan pengalaman pembelajaran informal daripada segi sikap.

Rujukan

- Azizan Bahari. (2009). Menjadi Sukarelawan. Petaling Jaya: Qarya.
- Bélinger, P. (2011). Adult Learning-Related Learning Theories. In *Theories In Adult Learning And Education*, 35-48. Opladen; Farmington Hills: Verlag Barbara Budrich.
- Berg, S. A., & Chyung, S. Y. (2008). Factors That Influence Informal Learning In The Workplace. *Journal Of Workplace Learning*, 20(4), 229-244.
- Bruner, J. S. (2009). *The Process Of Education*. Harvard University Press.
- Cloke, P., Johnsen, S. And May, J. (2007) Ethical Citizenship? Volunteers And The Ethics Of Providing Services For Homeless People. *Geoforum*, 38
- Colley, H., Hodkinson, P., & Malcolm, J. (2003) "The Interrelationships Between Informal And Formal Learning", Dalam *Journal Of Workplace Learning*, 15(7/8), 313-318.
- De Houwer, J., Barnes-Holmes, D., & Moors, A. (2013). What Is Learning? On The Nature And Merits Of A Functional Definition Of Learning. *Psychonomic Bulletin & Review*, 20(4), 631-642.
- Jarvis, P. (1987). Meaningful And Meaningless Experience: Towards An Analysis Of Learning From Life. *Adult Education Quarterly*, 37(3), 164-172.
- Kremer, A.L. (2005), "Predictors Of Participation In Formal And Informal Workplace Learning: Demographic, Situational, Motivational, And Deterrent Factors", Doctoral Dissertation, George Mason University
- Livingstone, D.W. (2001), Adults' Informal Learning: Definitions, Findings, Gaps And Future Research. NALL Working Paper No.21, OISE/UT, Toronto.
- Marsick, V. J., And Watkins, K. *Informal And Incidental Learning In The Workplace*. London And New York: Routledge, 1990.
- Marsick, V.J., Volpe M. (1999), "The Nature And Need For Informal Learning", *Advances In Developing Human Resources*, 1(1), 1-9.
- Mellor, Hayashi, Stokes. (2009). Volunteering And Its Relationship With Personal And Neighborhood Well-Being, Nonprofit And Voluntary. *Sector Quarterly*, 144-159.
- Merriam, S., & Clark, M. (1991). *Lifelines*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Merriam, S.B, Caffarella, R.S & Baumgartner, L. M (2007). *Learning In Adulthood: A Comprehensive Guide*. John Wiley & Sons
- Mohd Azhar Abd. Hamid. (2012). Pengalaman Transformasi Perspektif Individu Cina Muslim Terhadap Agama Islam Di Johor Bahru. Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Tobi, S. (2017). *Kajian Kualitatif Dan Analisis Temu Bual* (1st Ed.). Malaysia: Aras Publisher
- Nur Fadiyah (2016). Pengalaman Transformasi Perspektif Dalam Kalangan Individu Perempuan Awal Dewasa Terhadap Islam Sebagai Cara Hidup Universiti Teknologi Malaysia. Ijazah Sarjana Muda. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Pietkiewicz, L., & Smith, J. A. (2014). A Practical Guide To Using Interpretative Phenomenological Analysis In Qualitative Research Psychology. *Psychological Journal*, 20(1), 7-14.
- Sakilah, S. (2015). Belajar Dalam Perspektif Islam Kaitannya Dengan Psikologi Belajar. *Potensia: Jurnal Kependidikan Islam*, 1(1), 67-83.
- Selamat, J. (2016). *Pembelajaran Informal Dalam Kalangan Guru Bukan Opsyen Bahasa Melayu Di Sekolah Menengah Harian* (Doctoral Dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia)
- Silverman, D. (2013). *Doing Qualitative Research: A Practical Handbook*. Sage Publications.